

Rashid Hussain sedia lepaskan 23.9 peratus dalam RHB

UM 23 JAN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jan. — Tan Sri Abdul **Rashid Hussain** bersedia melepaskan 23.9 peratus kepentingannya dalam RHB Bank Bhd. (RHB) jika Kumpulan Utama Bank (M) Bhd. (UBG) sedia membayar harga yang ditetapkan.

Pengerusi Eksekutif RHB itu menegaskan, pada pengetahuannya lembaga penganjur UBG telah bersetuju dengan harga yang ditawarkan namun mereka perlu merujuk kepada Cahya Mata Sarawak Bhd. (CMS) terlebih dahulu sebelum membuat keputusan.

"Inilah yang sedang kami nantikan. Siapa yang akan membuat keputusan? Ini yang (sebenarnya) berlaku antara UBG dan CMS.

"Apa juga jawapannya sama ada ya atau tidak, tolong buat keputusan. Andainya mereka memilih untuk tidak memahami tawaran ini, ia tidak mengapa kepada kami," katanya selepas Persidangan Pelaburan RHB 2002 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terkini rundingan penggabungan antara RHB dan UBG.

Rundingan antara RHB dan UBG dikatakan menemui jalan buntu berikutan isu harga dan penguasaan pengurusan yang tidak dapat diselesaikan.

Kemelut tersebut menyaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi tempoh kepada UBG sehingga akhir Jun ini bagi mencari rakan gabungan setelah pemegang

saham utamanya, CMS gagal meluluskan rundingan antara UBG dan RHB.

Abdul Rashid ialah pemegang terbesar saham dalam RHB dengan penguasaan 23.9 peratus.

Julai lalu, Bank Utama telah membeli 22.7 peratus kepentingan dalam RHB, tindakan yang dilihat menjurus kepada penggabungan antara kedua-dua bank itu.

Selain itu, RHB turut dimiliki oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen 16.8 peratus dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 9.3 peratus.

Menurut Abdul Rashid, rundingan masih dilakukan dan secara jujur beliau tidak dapat menunggu lebih lama lagi kerana tempoh yang ditetapkan telah berlalu.

"Saya telah menjalankan tugas saya. Saya telah melakukan semua rundingan dan kini saya menunggu (jawapan).

"Saya telah menunggu selama setahun dan berapa lama lagi yang perlu saya tunggu," ujarnya.

Ditanya sama ada beliau sedia melepaskan penguasaan pengurusan RHB, Abdul Rashid berkata, beliau tidak terlalu memikirkan hal tersebut.

"Apabila saya menjualnya saya tidak mempunyai hak untuk terus bersamanya," jelas beliau.

Tambahnya, beliau bangga dengan apa yang telah dilakukannya terhadap RHB dan akan membiarkan sejarah menilai sumbangannya selama beliau menerajui bank miliknya itu.